




## Pena Modern Practices in Teaching and Learning

Journal homepage:  
<https://penacendekia.com.my/index.php/pmptl/index>  
ISSN: 3093-7345



### Penggunaan Kad Imbasan bagi Meningkatkan Motivasi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas

#### *Using Flashcards to Increase the Motivation of Students with Special Educational Needs*

Nur'Ain Fatihah Amran<sup>1,\*</sup>, Vestly Kong Liang Soon<sup>1</sup>, Suresh Kumar a/l Kuppusamy<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Malaysia

#### ARTICLE INFO

##### **Article history:**

Received 11 March 2025

Received in revised form 11 April 2025

Accepted 25 July 2025

Available online 11 September 2025

#### ABSTRACT

Penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran terhadap Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) mestilah bersesuaian dengan perkembangan kognitif mereka supaya proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat dijalankan dengan berkesan. Maka, penggunaan kad imbasan merupakan salah satu bentuk bahan sokongan yang dilihat sesuai untuk digunakan terhadap MBPK dalam meningkatkan motivasi mereka. Aspek pengetahuan dan minat guru pendidikan khas dalam menggunakan kad imbasan juga memberi impak kepada MBPK dari pelbagai sudut termasuklah motivasi mereka. Hal ini yang demikian kerana bahan bantu visual seperti kad imbasan memudahkan murid untuk memahami sesuatu topik dengan jelas melalui elemen gabungan imej dan tulisan yang dipaparkan. Walaubagaimanapun, tahap motivasi MBPK yang rendah semasa proses PdP di jalankan di dalam kelas telah menyebabkan mereka cepat berasa bosan dan tidak berminat untuk melibatkan diri di sesi PdP. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan kad imbasan dalam meningkatkan motivasi MBPK. Fokus kajian ini adalah untuk meneroka pengetahuan dan minat guru dalam menggunakan kad imbasan dan keberkesanan penggunaan kad imbasan terhadap peningkatan motivasi MBPK. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu temu bual berstruktur proses pengumpulan data yang melibatkan tiga orang guru pendidikan khas di sebuah sekolah di Simpang Ampat, Perlis. Pemerhatian secara langsung juga telah dilakukan terhadap guru pendidikan khas dan MBPK. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan dan minat guru yang tinggi dalam penggunaan kad imbasan membawa kepada keberkesanan kad imbasan. Hal ini seterusnya membawa kepada peningkatan motivasi dalam diri MBPK untuk terlibat dalam

\* Corresponding author.

E-mail address: [nrainfthhh@gmail.com](mailto:nrainfthhh@gmail.com)

<https://doi.org/10.37934/pmptl.2.1.2941>

sesi PdP yang dijalankan. Implikasi kajian yang diperolehi daripada kajian ini adalah implikasi dari segi aspek motivasi MBPK dan pengajaran guru. Melalui kajian ini diharapkan agar dapat membantu guru dalam meneroka penggunaan bahan bantu mengajar yang pelbagai dalam menyokong keperluan MBPK.

*The use of teaching aids in the instruction of Special Educational Needs (SEN) students must align with their cognitive development to ensure effective teaching and learning (T&L). Flashcards are seen as a suitable supplementary material to enhance SEN students' motivation, as they combine images and text to facilitate understanding. The knowledge and interest of special education teachers in using flashcards also significantly impact students' motivation. However, low motivation levels among SEN students during lessons often lead to boredom and disengagement. This study aims to examine the use of flashcards in increasing SEN students' motivation by exploring teachers' knowledge, interest, and the effectiveness of flashcards in the classroom. Using a qualitative approach, structured interviews were conducted with three special education teachers from a school in Simpang Ampat, Perlis, along with direct classroom observations. Findings indicate that teachers with high levels of knowledge and interest in using flashcards contribute to their effectiveness, leading to increased student motivation. The study highlights implications for both SEN student motivation and teaching practices, encouraging educators to explore various teaching aids to better support SEN students' needs.*

**Keywords:**

Kad imbas; motivasi; murid berkeperluan pendidikan khas; bahan bantu mengajar

Flashcards; motivation; special education needs students; teaching aids

---

## 1. Pengenalan

### 1.1 Latar Belakang

Setiap individu berhak untuk mendapat pendidikan tanpa sebarang bentuk diskriminasi. Pendidikan untuk semua yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memberikan peluang dan hak kepada semua murid untuk mendapat pendidikan tanpa mengira perkembangan intelek murid mahupun latar belakang sosial mereka [1]. Bagi memberikan pendidikan berkualiti kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK), penggunaan bahan bantu mengajar merupakan elemen penting dalam mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan. Menurut Hashim *et al.*, [2] mengatakan bahawa bahan bantu mengajar (BBM) merupakan keperluan asas kepada setiap guru untuk menggunakannya semasa sesi pengajaran dan pembelajaran supaya menjadi lebih menarik dan positif. Justeru, guru haruslah bijak dalam mempelbagaikan bahan bantu mengajar semasa di dalam kelas untuk menarik perhatian MBPK seterusnya meningkatkan motivasi mereka [3].

Bahan bantu mengajar ini boleh dibina dalam pelbagai bentuk bagi membantu MBPK dalam pembelajaran mereka. Menurut Abdullah *et al.*, [4] menjelaskan bahawa tahap kefahaman dan penguasaan murid dalam sesuatu topik pengajaran adalah lebih berkesan sekiranya dibantu dengan penggunaan bahan bantu mengajar. Hal ini secara tidak langsung dapat memupuk motivasi murid untuk terlibat aktif dalam pengajaran yang dijalankan. Selain itu, guru mestilah menggunakan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan murid supaya membantu dalam proses pembelajaran mereka [5]. Pemilihan bahan bantu mengajar yang sesuai daripada pelbagai sumber mampu menarik minat seterusnya meningkatkan kefahaman murid- murid tentang sesuatu topik [6]. Oleh itu, Penggunaan kad imbasan dilihat sebagai satu bentuk bahan bantu mengajar yang mampu untuk membangunkan motivasi murid-murid terutamanya MBPK. Hal ini yang demikian kerana bahan bantu visual seperti kad imbasan memudahkan murid untuk memahami sesuatu topik dengan jelas seterusnya meningkatkan motivasi untuk belajar [7].

Menurut Subhan *et al.*, [8] penggunaan kad imbasan bukan sahaja membantu pelajar dalam memahami pengajaran tetapi juga berperanan dalam meningkatkan motivasi dan minat belajar mereka. Walaubagaimanapun, pedagogi pengajaran guru juga haruslah dititik beratkan dalam menyampaikan maklumat kepada murid melalui penggunaan bahan bantu mengajar kad imbasan ini [9]. Hal ini yang demikian supaya MBPK mendapat input pembelajaran yang dijalankan dengan jelas dan difahami. Maka, kita dapat lihat bahawa guru memainkan peranan penting dalam menggunakan kad imbasan kepada MBPK dengan berkesan [10]. Hal ini supaya penggunaan kad imbasan yang diaplikasikan kepada MBPK lebih berkesan dan mampu memberikan impak yang positif. Secara tidak langsung, guru dapat mewujudkan pembelajaran yang lebih bermakna kepada MBPK. Guru yang bijak menyesuaikan penggunaan kad imbasan dengan pengajaran, mampu untuk mencipta satu pengajaran yang efektif [11]. Menurut Novelli [12] penggunaan kad imbasan merupakan salah satu cara yang mudah untuk diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Maka dapat diperhatikan bahawa pembelajaran yang berkesan mampu untuk membina motivasi MBPK untuk terlibat dalam PdP yang dijalankan kerana mempunyai elemen bahan bantu mengajar yang mampu menarik minat mereka.

Kajian ini meneliti jurang dalam penggunaan bahan bantu mengajar khususnya kad imbasan dalam meningkatkan motivasi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK), di mana terdapat kekurangan kajian yang meneliti secara mendalam hubungan antara pengetahuan dan minat guru dengan keberkesanan penggunaan kad imbasan dalam PdP MBPK. Motivasi rendah dalam kalangan MBPK sering menjadi cabaran utama yang boleh menjejaskan pembelajaran mereka, namun kajian mengenai strategi visual seperti kad imbasan masih kurang mendapat perhatian [13]. Walaupun kajian sedia ada menyoroti penggunaan kad imbasan dalam pendidikan khas, masih kurang penyelidikan yang memberi fokus khusus kepada impak kad imbasan terhadap motivasi MBPK dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Oleh itu, kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan menilai keberkesanan kad imbasan terhadap motivasi dan penglibatan murid MBPK. Kajian ini memberi sumbangan yang signifikan dengan meneroka secara menyeluruh sejauh mana pengetahuan dan minat guru pendidikan khas mempengaruhi keberkesanan penggunaan kad imbasan dalam meningkatkan motivasi MBPK. Dapatan kajian ini bukan sahaja dapat membantu guru memahami kepentingan bahan bantu visual dalam PdP tetapi juga memberi implikasi terhadap amalan pengajaran yang lebih berkesan dalam menyokong perkembangan kognitif dan emosi MBPK.

## 1.2 Objektif

- (i) Meninjau pengetahuan guru terhadap penggunaan kad imbasan bagi meningkatkan motivasi murid berkeperluan pendidikan khas.
- (ii) Meninjau minat guru terhadap penggunaan menggunakan kad imbasan bergambar pada murid berkeperluan pendidikan khas.
- (iii) Meninjau keberkesanan penggunaan kad imbasan pada murid berkeperluan pendidikan khas dalam meningkatkan motivasi murid berkeperluan pendidikan khas.

## 2. Metodologi

Metodologi kajian ini merupakan satu kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian mengikut langkah dan format yang khusus dalam memperoleh maklumat dan persoalan yang diberikan. Menurut Hua [14], metodologi ialah kaedah digunakan untuk mengutip dan mengumpul data melalui tatacara efektif bagi menjawab permasalahan kajian. Metodologi kajian ini membantu pengkaji untuk mendapatkan data supaya menyokong kajian yang dijalankan.

## 2.1 Reka Bentuk

Reka bentuk kajian merupakan aspek yang penting dalam melaksanakan sesuatu kajian. Kajian berbentuk kualitatif telah digunakan dalam menjalankan kajian ini. Kaedah kualitatif ini dipilih kerana membolehkan pengkaji untuk mendapatkan butiran maklumat yang lebih jelas dan terperinci tentang perkara yang ingin dikaji. Kaedah kajian kualitatif ialah pendekatan kajian yang digunakan untuk memahami dan menjelaskan fenomena secara mendalam melalui pengumpulan, analisis dan interpretasi data berbentuk bukan angka [15]. Justeru, kaedah temu bual dan pemerhatian telah dipilih dalam membolehkan data diperolehi bagi kajian ini. Kaedah yang digunakan ini adalah untuk meninjau pengetahuan, minat dan keberkesana dalam menggunakan kad imbasan bagi meningkatkan motivasi MBPK.

## 2.2 Pensampelan

Persampelan kajian merupakan elemen penting dalam menjalankan kajian supaya pengkaji dapat memperoleh responden untuk mengumpul data. Justeru, sampel kajian telah melibatkan 3 orang guru pendidikan khas. Pemilihan lokasi kajian mestilah mengambil kira kos perbelanjaan, tenaga dan masa supaya data dapat dikumpul dengan mudah dan tidak membebankan pengkaji. Maka, lokasi kajian yang dipilih adalah Sekolah Menengah Kebangsaan yang mempunyai PPKI di sebuah sekolah di Simpang Ampat, Perlis. Saiz sampel yang terhad ( $n=3$  guru) dipilih secara bertujuan untuk mendapatkan pandangan mendalam daripada pendidik berpengalaman menggunakan kad imbasan dalam kelas khas. Walaupun memberikan data yang kaya secara kualitatif, keputusan kajian ini tidak boleh digeneralisasi. Kajian masa depan disarankan melibatkan sampel lebih besar dan pelbagai konteks sekolah.

## 2.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan satu alat pengukur yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpulkan data-data kajian. Antara instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah temu bual. Temu bual merupakan kaedah di mana senarai soalan dibentuk untuk diutarakan persoalan tersebut kepada subjek kajian. Menurut Faudzi *et al.*, [16] menyatakan bahawa temu bual merupakan senarai soalan dan panduan perbualan berbentuk kerangka perancangan atau senarai semak soalan yang ditulis terlebih dahulu sebelum penemu bual iaitu pengkaji turun ke lapangan. Maka, kaedah temu bual berstruktur telah dijalankan ke atas guru pendidikan khas.

## 2.4 Prosedur Pengumpulan Data

Analisis data merupakan proses mengatur, menstrukturkan dan menginterpretasikan data yang telah dikumpulkan [17]. Data yang diperolehi ini adalah hasil daripada kajian kualitatif yang telah dijalankan. Kaedah temu bual perlu dianalisis datanya supaya membolehkan pengkaji mendapatkan hasil daripada temu bual yang telah dijalankan. Rakaman audio atau video yang dirakam semasa temu bual haruslah ditranskripsikan terlebih dahulu. Analisis data bagi pemerhatian pula dilakukan dengan merekod segala aspek yang ingin dikaji berdasarkan persoalan dan objektif kajian. Hal ini bagi membolehkan data yang diperolehi dari pemerhatian mencapai matlamat yang ingin dikaji. Justeru, perisian yang telah digunakan bagi menganalisis data adalah Atlas.Ti versi 9.

### 3. Dapatan dan Perbincangan

#### 3.1 Demografi Responden

**Jadual 1**

Demografi responden

| Nama          | Umur (Tahun) | Jantina   | Asal   | Latar Pendidikan Guru | Pengalaman Guru Sebagai Guru Pendidikan Khas (Tahun) |
|---------------|--------------|-----------|--------|-----------------------|------------------------------------------------------|
| <b>Guru F</b> | 30           | Perempuan | Perlis | Ijazah Sarjana Muda   | 8                                                    |
| <b>Guru H</b> | 31           | Perempuan | Perlis | Ijazah Sarjana Muda   | 4                                                    |
| <b>Guru A</b> | 26           | Lelaki    | Perlis | Ijazah Sarjana Muda   | 1                                                    |

Dapat disimpulkan bahawa demografi responden ini mampu untuk memberikan perspektif yang pelbagai terhadap kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana pemikiran berbeza daripada setiap responden dapat mewujudkan variasi pandangan tentang kajian penggunaan kad imbasan dalam meningkatkan motivasi MBPK. Justeru, latar belakang responden ini dilihat sebagai salah satu aspek yang penting dalam menjamin keabasan dan ketepatan dapatan kajian yang diperolehi. Hal ini membolehkan, guru memberikan pandangan yang berbeza mengikut pengetahuan yang dimiliki bagi memberikan konteks yang berkualiti terhadap kajian ini. Kesemua responden kajian yang diambil mempunyai pendedahan yang jelas tentang penggunaan kad imbasan pada MBPK. Maka, ini meningkatkan tahap kepercayaan dalam data yang diperolehi kerana kesahihan maklumat yang dikumpul berdasarkan pengalaman responden terhadap kad imbasan tersebut bersama MBPK.

Berdasarkan analisis data temu bual yang telah dijalankan, dapatan kajian yang diperolehi daripada responden menghasilkan beberapa tema dan subtema. Berikut merupakan gambar rajah hubungan perkaitan tema dan subtema yang dihasilkan dalam kajian penggunaan kad imbasan bagi meningkatkan motivasi MBPK berdasarkan objektif kajian.

#### 3.2 Pengetahuan Guru terhadap Penggunaan Kad Imbasan dalam Meningkatkan Motivasi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas

Hasil penganalisan data kajian yang telah dianalisis, pengkaji mendapati bahawa sebanyak tiga tema dapat dibentuk bagi menjelaskan tentang pengetahuan guru terhadap penggunaan kad imbasan ini.

**Jadual 2**

Pengetahuan guru terhadap penggunaan kad imbasan bagi meningkatkan motivasi MBPK

| Objektif                                                                          | Tema                                | Sub Tema                                                                                                                                                      |
|-----------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Pengetahuan guru terhadap penggunaan kad imbasan bagi meningkatkan motivasi MBPK. | Pengalaman penggunaan kad imbasan   | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Penggunaan kad imbasan</li> <li>● Penerapan penggunaan dalam PdP</li> <li>● Tujuan penggunaan kad imbasan</li> </ul> |
|                                                                                   | Penyesuaian menggunakan kad imbasan | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Tahap kefungsi murid</li> <li>● Elemen ilustrasi dan reka bentuk kad imbasan</li> </ul>                              |
|                                                                                   | Kaedah penggunaan kad imbasan       | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Strategi dan teknik pelaksanaan kad imbasan</li> </ul>                                                               |

## Tema 1: Pengalaman penggunaan kad imbasan

Perincian bagi setiap tema ini dapat dilihat dengan lebih terperinci dan jelas berdasarkan jadual yang ditunjukkan di dalam Jadual 2.

Berdasarkan temu bual yang telah dianalisis, terdapat tiga sub tema yang dapat dibentuk melalui pengalaman penggunaan kad imbasan iaitu penggunaan kad imbasan, penerapan penggunaan dalam PdP dan tujuan penggunaan kad imbasan.

- Penggunaan kad imbasan

Berdasarkan subtema yang diperolehi hasil daripada temu bual bersama responden, pengkaji mendapati bahawa kesemua guru pernah menggunakan kad imbasan kepada MBPK semasa menjalankan proses PdP.

*"Pernah gunakan" (Guru F)*

*"Ya, saya pernah gunakan kad imbasan ini" (Guru H)*

*"saya selalu guna" (Guru A)*

- Penerapan penggunaan dalam PdP

Analisis dapatan kajian mendapati bahawa guru telah menggunakan kad imbasan di dalam PdP bagi menyediakan pengajaran yang bermakna kepada MBPK. Kepelbagaian bentuk penerapan yang ditunjukkan oleh guru semasa PdP telah mewujudkan satu pengimplementasian yang sistematik dalam memupuk sikap motivasi MBPK semasa belajar.

*"...subjek-subjek yang teras sahajalah. Misalnya kalau di sekolah lama saya mengajar pengurusan diri..." (Guru F)*

*"... tentang ejaan KV+KV..." (Guru H)*

*"...set induksi untuk memperkenalkan sesuatu pengajaran..." (Guru A)*

- Tujuan penggunaan kad imbasan

Penggunaan kad imbasan ini dilihat sebagai satu bentuk bahan bantu mengajar yang mampu menarik minat dan meningkatkan pemahaman MBPK semasa PdP dijalankan.

*"Waktu mengajar PdP tu saya guna untuk tarik minat murid untuk belajar, untuk murid terlibat aktif dalam PdP yang dijalankan" (Guru H)*

*"...tingkatkan kefahaman dia..." (Guru A)*

## Tema 2: Penyesuaian menggunakan kad imbasan

Berdasarkan temu bual yang telah dianalisis, terdapat dua sub tema yang dapat dibentuk melalui pengalaman penggunaan kad imbasan iaitu tahap kefungsian murid dan elemen ilustrasi dan reka bentuk kad imbasan.

- Tahap kefungsian murid

Dalam memfokuskan tentang pembelajaran MBPK, guru haruslah membuat penyesuaian terhadap kad imbasan agar murid-murid dapat mengalami pembelajaran yang baik maka aspek yang perlu dititikberatkan adalah tahap kefungsian murid.

*"Perlu lihat dari kemampuan murid lah. Kemampuan murid macam kelas yang kefungsian rendah" (Guru H)*

*"...kad imbasan sangat membantu untuk MBPK sebab apa sebab dia ada gambar dan tulisan. Jadi MBPK ini dia lebih faham apa yang guru nak sampaikan. Tetapi kita perlu*

*tengok kepada kemampuan murid lah sebab keupayaan yang berbeza-beza...” (Guru A)*

- Elemen ilustrasi dan reka bentuk kad imbasan

Kad imbasan ini perlulah sesuai pembinaannya dengan menekankan aspek elemen ilustrasi dan reka bentuk kad imbasan supaya dapat meningkatkan keberhasilan murid dalam pengajaran seterusnya meningkatkan motivasi MBPK. Maka, guru haruslah membuat penyesuaian terhadap kad imbasan dengan menekankan aspek ini.

*“Fon tulisan dan warna juga kalau boleh elakkan guna yang boleh mengelirukan murid.*

*Dari segi gambar, elakkan gambar yang boleh buat budak keliru seeloknya gunakan gambar yang real.” (Guru H)*

*“...kad imbasan jangan terlalu kecil jangan terlalu besar mungkin dia akan rambang mata jadi besar sangat kalau kecil sangat pun terlampau kecil pun tak boleh juga memang kita nampak macam mudah untuk kita bawa tapi kita kena bersesuaian dengan murid...”*

*(Guru A)*

### Tema 3: Kaedah penggunaan kad imbasan

Berdasarkan temu bual yang telah dianalisis, terdapat satu sub tema yang dapat dibentuk melalui pengalaman penggunaan kad imbasan iaitu strategi dan teknik pelaksanaan kad imbasan.

- Strategi dan teknik pelaksanaan kad imbasan

Pelaksanaan penggunaan kad imbasan yang baik dan berkesan mampu untuk mewujudkan satu persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan terhadap MBPK. Maka, guru haruslah menerapkan kaedah pengajaran yang sesuai dalam menggunakan kad imbasan.

*“...gunakan kad imbasan tu tapi sambil tu kita buat permainan. Dekat sini kita boleh nampak yang MBPK ini lagi seronok untuk belajar, untuk terlibat dengan pengajaran guru...”*

*(Guru F)*

*“...kita tambah pula dengan aktiviti permainan, memang takkan buat budak rasa bosan ke rasa taknak belajar ke atau tidur je memanjang. Macam saya kata tadi belajar sambil bermain. Mungkin boleh gunakan pada langkah aktiviti contoh macam aktiviti padanan...”*

*(Guru A)*

### 3.3 Pengetahuan Guru terhadap Penggunaan Kad Imbasan dalam Meningkatkan Motivasi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas

Berdasarkan analisis bagi dapatan kajian dua, sebanyak tiga tema dapat dibentuk bagi menjelaskan tentang minat guru terhadap penggunaan kad imbasan ini. Perincian bagi setiap tema ini dapat dilihat dengan lebih terperinci dan jelas berdasarkan jadual yang ditunjukkan di dalam Jadual 3.

**Jadual 3**

Minat guru terhadap penggunaan kad imbasan bagi meningkatkan motivasi MBPK

| Objektif                                                                    | Tema                                                                                                    | Subtema                                                                                                                                                                                                                                       |
|-----------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Minat guru terhadap penggunaan kad imbasan bagi meningkatkan motivasi MBPK. | Minat penggunaan kad imbasan<br>Faktor yang mempengaruhi minat<br>Cabaran untuk menggunakan kad imbasan | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Tahap minat guru</li> <li>● Maklum balas MBPK</li> <li>● Kemudahan mengakses kad imbasan</li> <li>● Kekangan masa dan kos</li> <li>● Bilangan murid</li> <li>● Ciri-ciri pada kad imbasan</li> </ul> |

#### Tema 1: Minat penggunaan kad imbasan

Berdasarkan tema ini, pengkaji dapat melihat sub tema yang dihasilkan iaitu tahap minat guru dalam menggunakan kad imbasan.

- Tahap minat guru

Melalui hasil temu bual mendapati bahawa guru menunjukkan minat yang tinggi terhadap penggunaan kad imbasan. Minat penggunaan yang ditunjukkan oleh guru merupakan aspek yang penting dalam memastikan keberkesanan penggunaan kad imbasan dalam meningkatkan motivasi MBPK.

*Kalau tanya saya berminat ataupun tidak, saya memang berminat untuk menggunakan kad imbasan ini sebagai bahan bantu mengajar. Kerana penggunaanya yang menarik “ (Guru F) “Bagi saya, memang saya akan gunalah kad imbasan ni, saya memang minat sebab warna-warna yang dia guna pada gambar di kad tu pun membantu merangsang murid punya sel-sel otak kan” (Guru H)*

*“...saya memang minat sebabnya kad imbasan ini kita boleh buat macam-macam benda...”(Guru A)*

- Tema 2: Faktor yang mempengaruhi minat

Analisis yang telah didapati melalui temu bual telah membentuk dua sub tema bagi faktor yang mempengaruhi minat guru untuk menggunakan kad imbasan

- Maklum balas MBPK

Maklum balas murid amatlah penting dalam memastikan penggunaan kad imbasan ini sebagai bahan bantu mengajar yang efektif. Murid yang mempunyai respon yang baik akan membantu guru dalam memudahkan pengajaran.

*“...lebih kepada apa maklum balas yang saya dapat daripada murid saya. Maksudnya, bila kita buat, murid engage murid terlibat dengan kita punya pengajaran itu jadi satu kepuasan lah untuk kita...” (Guru F)*

*“Kad imbasan ni saya lihat berpotensi untuk bantu saya mudahkan pengajaran yang dilakukan dengan adanya gambar dan perkataan. Lagi satu saya gunakan kad imbasan ini sebab saya lihat semasa mengajar lebih mudah untuk kita bantu murid lebih faham.” (Guru H)*

- Kemudahan mengakses kad imbasan

Kemudahan untuk mengakses kad imbasan merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi guru untuk menggunakan kad imbasan sebagai BBM. Melalui hasil temu bual, guru telah



menunjukkan kemudahan untuk mendapatkan kad imbasan dan kemudahan menyediakan BBM kad imbasan.

*"Salah satunya adalah kita beli sahaja di luar sebab ada kad imbasan yang dijual dengan harga yang berpatutan." (Guru H)*

*"Satu, perkara dia mudah cepat kita nak buat pun cepat sebab kita perlu sediakan bahan bantu mengajar. Jadi nak bawa pun mudah." (Guru A)*

### Tema 3: Cabaran untuk menggunakan kad imbasan

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa 3 subtema dapat dibentuk melalui tema yang dinyatakan. Antaranya ialah kekangan masa dan kos, bilangan murid dan ciri-ciri pada kad imbasan.

- Kekangan masa dan kos

Memang tidak dinafikan bahawa setiap pengajaran dan penggunaan bahan bantu mengajar pasti mempunyai cabaran-cabaran yang perlu dihadapi guru dalam mengaplikasikannya dalam PdP. Maka, melalui hasil temu bual ini guru telah berkongsi tentang kekangan yang dihadapi.

*"...kekangan masa untuk menyediakan dan untuk nak melaksanakan. Sebab kita tak hanya mengajar untuk satu kelas sahaja. Kita mengajar beberapa kelas. Jadi nak sediakan kad imbasan ini pada saya satu komitmen lah..." (Guru F)*

*"...waktu nak melaksanakan, kita nak kena kawal kelas. Waktu tu kita nak kena kawal kelas, kita nak kena ajar PdP..." (Guru F)*

*"...saya rasa kos pun jadi salah satu cabaran juga sebabnya benda ni dia maujud, bahan yang kita kena hasilkan. Bila nak print pun kos juga mestilah kita nak gambar tu cantik dan berkualiti kan..." (Guru H)*

- Bilangan murid

Cabaran yang menjadi kepada kesukaran untuk menggunakan kad imbasan adalah bilangan murid. Hasil mendapati bahawa jumlah bilangan murid yang ramai menyukarkan guru untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan kad imbasan pada MBPK.

*"Sekarang saya kekangan dari segi murid lah. Sebab murid saya ramai, dalam 10-11 orang. Dahulu murid saya cuma 6 atau 7 orang. Jadi kita boleh buat fokus seorang demi seorang, kad imbasan lebih efektif lagi lah." (Guru F)*

- Ciri-ciri pada kad imbasan

Ciri-ciri pada kad imbasan merupakan yang tidak bersesuaian akan menyebabkan cabaran kepada guru untuk digunakan kepada MBPK.

*"Cabaran-cabaran tu mungkin kad tu orang kata mudah koyak. Sebab kalau terkena air atau basah gambar dia, warna dia tulisan tu akan pudar, bila kita nak pegang dia jadi lembik dan terkoyak." (Guru H)*

*"...bila mana kita buat kad tu tak bersesuaian. Maksudnya tulisan kecil, gambar tu tak jelas menyatakan hasrat kita tu apa sebenarnya..." (Guru A)*

### 3.4 Keberkesanan Penggunaan Kad Imbasan dalam Meningkatkan Motivasi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas

Berdasarkan analisis bagi dapatan kajian dua, sebanyak tiga tema dapat dibentuk bagi menjelaskan tentang keberkesanan penggunaan kad imbasan ini bagi meningkatkan motivasi MBPK.

Perincian bagi setiap tema ini dapat dilihat dengan lebih terperinci dan jelas berdasarkan jadual yang ditunjukkan di dalam Jadual 4.

#### Jadual 4

Keberkesanan penggunaan kad imbasan pada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas dalam meningkatkan motivasi mereka

| Objektif                                                                                                       | Tema                                               | Subtema                                                                                                                            |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Keberkesanan penggunaan kad imbasan pada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas dalam meningkatkan motivasi mereka | Penerimaan penggunaan kad imbasan pada MBPK        | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Tahap motivasi MBPK</li> <li>● Tahap keterlibatan dan kefahaman MBPK dalam PdP</li> </ul> |
|                                                                                                                | Penambahbaikan keberkesanan penggunaan kad imbasan | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Inovasi teknologi</li> <li>● Pengajaran guru</li> </ul>                                   |
|                                                                                                                |                                                    |                                                                                                                                    |

#### Tema 1: Penerimaan penggunaan kad imbasan pada MBPK

Berdasarkan tema penerimaan penggunaan kad imbasan pada MBPK, terdapat dua sub tema yang dihasilkan iaitu tahap motivasi MBPK dan tahap keterlibatan dan kefahaman MBPK dalam melihat keberkesanan penggunaan kad imbasan dalam meningkatkan motivasi MBPK.

- Tahap motivasi MBPK

Aspek ini merupakan aspek yang penting dalam kajian ini kerana pengkaji dapat menilai sama ada penggunaan kad imbasan ini berkesan dalam meningkatkan motivasi MBPK. Melalui dapatan kajian, guru mengatakan bahawa motivasi murid berada di tahap yang tinggi apabila murid-murid menunjukkan rasa seronok dan lebih bersemangat untuk belajar apabila menggunakan kad imbasan dengan penerapan pendedekatan pembelajaran yang bersesuaian.

*"Mereka seronok. Sebab kad imbasan ni bukanlah setakat Flash card semata-mata.. Kadang-kadang kita susun, kadang-kadang kita minta murid lekatkan. Jadi benda tu kita buat satu aktiviti yang menyeronokkan lah kepada mereka."* **(Guru F)**

*"...murid-murid mereka rasa seronok. Tambah-tambah mereka angkat gambar dan mereka lihat visual dalam kad imbasan tu. Jadi, guru boleh suruh murid teka yang ini apa yang ini apa ..."* **(Guru H)**

*"Penerimaan budak sangat-sangat positif."* **(Guru A)**

- Tahap keterlibatan dan kefahaman MBPK dalam PdP

Aspek ini merupakan satu komponen yang penting dalam memastikan pembelajaran sesuatu topik dapat difahami dengan mudah seterusnya meningkatkan keterlibatan MBPK dalam PdP. Hal ini juga merupakan salah satu aspek dalam meningkatkan motivasi MBPK kerana wujudnya motivasi dalam diri.

*"Jadi bila kita bagi kad imbasan, kita kenalkan sikit-sikit. Jadi dia membina rasa ingin tahu dan mereka lebih sering bertanya dalam kelas."* **(Guru F)**

*"Jadi dengan kad imbasan ini dia boleh faham dan dapat cakap dengan baik bila dia tengok kad imbasan tu. Kad ni macam bantu dia untuk sebut benda tu."* **(Guru H)**

*"...kita dapat lihat murid ni pun dia dapat bentuklah sikap positif bila cikgu guna kad imbasan. Maksudnya disini, bila dia faham, murid lagi suka nak belajar. Dia jadi lebih syok nak belajar. Jadi secara tak langsung murid ni dia lagi suka datang sekolah..."* **(Guru A)**

#### Tema 2: Penambahbaikan keberkesanan penggunaan kad imbasan

Berdasarkan tema ini, terdapat dua sub tema yang dihasilkan iaitu inovasi teknologi dan pengajaran guru dalam memastikan kad imbasan yang diaplikasikan dalam PdP bersama MBPK ditambahbaik.

- Inovasi teknologi

Inovasi dari segi teknologi ini amatlah penting dalam membolehkan kad imbasan untuk mengikuti pembelajaran abad ke -21 dan dintegrasikan dalam PdP supaya meningkatkan lagi keberkesanan kad imbasan ini.

*"Satu lagi, lebih cantik lah kalau ada QR video kan. Itu lebih lawa lah. kalau ada gambar, kita tambah video dengan perkataan memang cantik sahajalah. Lebih menarik."* **(Guru F)**

*"Cikgu boleh inovasikan melalui teknologi digital. Contoh, mungkin guru boleh guna aplikasi yang buat kad imbasan ni. Kalau guna aplikasi mestilah benda tu ada elemen- elemen interaktif betul tak. Jadi guru boleh tambah bunyi ke bila murid tekan pada kad imbasan digital tu. Benda tu akan buat lebih tertarik."* **(Guru A)**

- Pengajaran guru

Pengajaran guru memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan kad imbasan dalam membantu meningkatkan motivasi MBPK. Hal ini supaya dapat mewujudkan pengajaran yang bermakna buat mereka. Melalui temu bual, guru telah menekankan tentang aspek pengajaran guru dari segi mengolahkan pengajaran kepada pengajaran yang kreatif dan menyeronokkan.

*"...cikgu memang kena pandai olahkan aktiviti dengan kad imbasan supaya murid dapat merasai PdP yang menyeronokkan. Secara tidak langsung motivasi mereka meningkat dan suka untuk belajar..."* **(Guru H)**

*"...kalau guru tu pandai olah dia boleh jadikan satu motivasi untuk murid belajar dan dia fokus dalam pembelajaran..."* **(Guru A)**

#### 4. Kesimpulan

Hasil daripada kajian ini telah berjaya menjawab persoalan-persoalan utama yang dikemukakan, khususnya berkaitan dengan keberkesanan penggunaan multimedia video dalam pengajaran sains untuk murid masalah pembelajaran. Dapatan kajian ini bukan sahaja mengesahkan keberkesanan video sebagai alat bantu mengajar tetapi juga memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana elemen visual, audio, dan interaktiviti dalam multimedia boleh meningkatkan daya tumpuan, pemahaman konsep, serta motivasi murid dalam pembelajaran [18]. Perbincangan mengenai dapatan kajian ini telah membuka ruang kepada penemuan baharu yang sangat signifikan, sekali gus memperkayakan pengetahuan pengkaji tentang strategi pengajaran yang lebih berkesan. Kajian ini membuktikan bahawa pendekatan pengajaran yang berasaskan multimedia video bukan sekadar alat sokongan tetapi boleh menjadi pemangkin utama dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, terutamanya dalam kalangan murid yang mempunyai keperluan pendidikan khas [19]. Guru melaporkan kekangan masa, kos dan bilangan murid yang ramai sebagai cabaran utama. Strategi penyelesaian termasuk penyediaan kad imbasan digital terlebih dahulu, penggunaan platform *offline* seperti Quizlet, kolaborasi dengan pasukan sokongan ICT sekolah, serta penggunaan aktiviti permainan berstruktur bagi meningkatkan keberkesanan PdP. Dengan mengintegrasikan elemen multimedia secara lebih sistematik dan terancang, guru bukan sahaja dapat menjadikan sesi pembelajaran lebih menarik dan interaktif tetapi juga membantu murid memahami konsep sains dengan lebih mudah melalui visualisasi yang lebih jelas dan kontekstual [20].

Selain itu, kajian ini turut memberikan cadangan yang kukuh dan praktikal bagi penyelidik atau pengkaji masa hadapan yang berminat untuk meneruskan kajian dalam bidang ini. Cadangan yang dikemukakan bukan sahaja berfungsi sebagai asas untuk penyelidikan yang lebih mendalam dan berstruktur tetapi juga sebagai rujukan yang boleh membantu dalam pembangunan kaedah pengajaran yang lebih inovatif dan berimpak tinggi [21]. Pengkaji juga menekankan kepentingan sokongan berterusan kepada guru-guru PPKI, dengan mencadangkan strategi yang lebih efektif dalam mengaplikasikan multimedia video secara optimum dalam bilik darjah [22]. Harapan utama adalah agar penggunaan teknologi dalam pendidikan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran, memperkukuh kemahiran komunikasi dan sosial murid, serta membawa transformasi positif dalam pendidikan khas pada masa hadapan [23].

Bagi memperkukuh lagi kajian dalam bidang ini, terdapat beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dijalankan untuk meneroka aspek yang lebih luas dan mendalam. Kajian ini menumpukan kepada data kualitatif pengalaman guru tanpa mengukur perubahan motivasi MBPK secara kuantitatif. Kajian lanjutan dicadangkan menggunakan instrumen pra dan pasca ujian untuk menilai perubahan tahap motivasi dan penglibatan pelajar secara statistik. Cadangan seterusnya adalah penggunaan multimedia yang lebih interaktif, seperti penggunaan Realiti Terimbuh (*Augmented Reality, AR*) atau Realiti Maya (*Virtual Reality, VR*) dalam pengajaran sains bagi murid PPKI. Kajian ini boleh mengkaji kesan teknologi tersebut terhadap pemahaman konsep sains, motivasi pembelajaran, serta interaksi sosial murid [24]. Akhir sekali, kajian lanjutan perlu mengambil pendekatan longitudinal dengan gabungan metodologi kuantitatif dan kualitatif untuk menilai impak jangka panjang kad imbasan terhadap motivasi, pencapaian akademik, dan perkembangan sosial MBPK. Kajian jangka panjang ini boleh membantu mengenal pasti sejauh mana teknologi ini benar-benar berkesan dalam membentuk kemahiran dan pencapaian murid dalam tempoh yang lebih lama. Dengan meneroka cadangan-cadangan ini, diharapkan kajian masa hadapan dapat memperkukuh lagi penggunaan teknologi dalam pendidikan khas serta membawa impak yang lebih besar kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran.

### Penghargaan

Penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), atas sokongan moral mereka dalam penghasilan kertas kerja ini.

### Rujukan

- [1] Kamarudin, Nur Hana, Khairul Farhah Khairuddin, and Ahmad Zamri Mansor. "Penggunaan bahan bantu mengajar guru pendidikan khas dalam meningkatkan kemahiran matematik operasi darab." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 7, no. 1 (2022): 175-183. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1249>
- [2] Hashim, Fuzirah, Bahiyah Abdul Hamid, Kesuma A. Bakar, and Zarina Othman. "Gambaran gender dalam buku teks bahasa Inggeris Malaysia (Gender images in Malaysian school English textbook)." *Geografia* 14, no. 4 (2018). <http://ejournal.ukm.my/gmiss/article/view/26535>
- [3] Najakh, Lailatun. "The Media and Ways to Teach Vocabulary for Students with Special Needs." *EDUCASIA: Jurnal Pendidikan, Pengajaran, dan Pembelajaran* 5, no. 1 (2020): 10-20. <https://doi.org/10.21462/educasia.v5i1.39>
- [4] Abdulah, Nurul Nadiha, and Muhammad Sofwan Mahmud. "Teaching Competencies of Mathematics Teachers in Inclusive Education at Primary Schools." *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research* 24, no. 1 (2025): 190-208. <https://doi.org/10.26803/ijlter.24.1.10>
- [5] Sohaeir, Ummu, Mohamed Nor Azhari Azman, Hasrul Hosshan, Mohd Syaubari Othman, and David Evans. "Development of Easy Match as a Teaching Aid for Students of the Integration Special Education Program (Learning Problems) in Form One Basic Cooking Subjects at SMK Telok Gadong, Klang." *Journal of Advanced Research in Applied Sciences and Engineering Technology* 31, no. 2 (2023): 310-319. <https://doi.org/10.37934/araset.31.2.310319>

- [6] Fauzy, Siti Intan Farahana Md, and Hasrul Hosshan. "Early Numeracy Challenges and Interventions for Students with Down Syndrome: A Scoping Review." *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI* 16, no. 1 (2023): 1-10. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.1.1.2023>
- [7] Dehnad, Afdane. "Exploring Students' Perceptions of Learning Medical Terminology With Teacher-Made Flashcards Used Electronically." *Acta Medica Iranica* (2024): 203-217. <https://doi.org/10.18502/acta.v6i2i4.17434>
- [8] Subhan, Muhammad, Dodi Widia Nanda, and Fenti Alysa. "The Development Of Flash Card Learning Media in Increasing Students' Learning Motivation in Indonesian Language Learning in Grade 1 SDN 15 Koto Baru." *TOFEDU: The Future of Education Journal* 3, no. 3 (2024): 754-762. <https://doi.org/10.61445/tofedu.v3i3.162>
- [9] Hussin, Nurul Afisah, Izuli Dzulkifli, and Mohd Nazri Ahmad. "Kepelbagaian Strategi Pengajaran Al-Quran kepada Murid Masalah Pembelajaran: A Variety of Strategies for Teaching al-Quran to Students with Learning Disabilities." *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs* 8, no. 2 (2024): 33-48. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol8no2.223>
- [10] Novelli, Christina, and Scott P. Ardoin. "Teaching foundational skills using strategic incremental rehearsal: Investigating effectiveness across varying school agents." *Psychology in the Schools* 61, no. 11 (2024): 4414-4442. <https://doi.org/10.1002/pits.23292>
- [11] Toste, Jessica R., Sally K. Fluhler, Emily A. Farris, and Brennan W. Chandler. "What's in a Word? Analyzing Students' Oral Reading Fluency to Inform Instructional Decision-Making." *Intervention in School and Clinic* (2025): 10534512251314361. <https://doi.org/10.1177/10534512251314361>
- [12] Novelli, Christina. "Mastering Discrete Skills Through Strategic Incremental Rehearsal." *Intervention in School and Clinic* 60, no. 4 (2025): 197-206. <https://doi.org/10.1177/10534512241291821>
- [13] Renáta, Marosi. "Developing cognitive and language skills through visual arts." *Opus et Educatio* 8, no. 1 (2021). <https://doi.org/10.3311/oep.420>
- [14] Hua, Ang Kean. "Pengenalan rangkakerja metodologi dalam kajian penyelidikan: satu kajian literatur." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 1, no. 2 (2016): 17-24. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v1i2.8>
- [15] Siroj, Rusydi A., Win Afgani, Fatimah Fatimah, Dian Septaria, and Gebriella Zahira Salsabila. "Metode penelitian kuantitatif pendekatan ilmiah untuk analisis data." *Jurnal Review Pendidikan dan Pengajaran (JRPP)* 7, no. 3 (2024): 11279-11289. <https://doi.org/10.31004/jrpp.v7i3.32467>
- [16] Faudzi, Farah Nadia Mohd, Norhaniza Said, Suzila Ismail, Nor A'tikah Mat Ali, Mohd Azrin Mohd Nasir, and Rosliza Ahmad. "Attitudes towards the Elderly: A Qualitative Study of Adults in Malaysia." *Open Journal of Social Sciences* 10, no. 6 (2022): 449-462. <https://doi.org/10.4236/jss.2022.106032>
- [17] Susanto, Primadi Candra, Dewi Ulfah Arini, Lily Yuntina, Josua Panatap Soehaditama, and Nuraeni Nuraeni. "Konsep Penelitian Kuantitatif: Populasi, Sampel, dan Analisis Data (Sebuah Tinjauan Pustaka)." *Jurnal Ilmu Multidisplin* 3, no. 1 (2024): 1-12. <https://doi.org/10.38035/jim.v3i1>
- [18] Mayer, Richard E. "Evidence-based principles for how to design effective instructional videos." *Journal of Applied Research in Memory and Cognition* 10, no. 2 (2021): 229-240. <https://doi.org/10.1016/j.jarmac.2021.03.007>
- [19] Weng, Xiaojing, Oi-Lam Ng, and Thomas KF Chiu. "Competency development of pre-service teachers during video-based learning: A systematic literature review and meta-analysis." *Computers & Education* 199 (2023): 104790. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2023.104790>
- [20] Zambrano, Jimmy, Femke Kirschner, John Sweller, and Paul A. Kirschner. "Effects of group experience and information distribution on collaborative learning." *Instructional Science* 47, no. 5 (2019): 531-550. <https://doi.org/10.1007/s11251-019-09495-0>
- [21] Nagaretnam, Manibarathi, and Muhammad Sofwan Mahmud. "Kesediaan guru dan keberkesanan pelaksanaan pengajaran Matematik abad ke-21 di sekolah rendah: sebuah tinjauan literatur." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 7, no. 11 (2022): e001876-e001876. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1876>
- [22] Fazleyazid, Ahmad. "Colouring for Students with Special Needs (AUTISM)." *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni* 12, no. 1 (2024): 26-36. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol12.1.4.2024>
- [23] Papadopoulos, Konstantinos, Eleni Koustriava, Lisander Isaraj, Elena Chronopoulou, Flavio Manganello, and Rafael Molina-Carmona. "Assistive Technology for Higher Education Students with Disabilities: A Qualitative Research." *Digital* 4, no. 2 (2024): 501-511. <https://doi.org/10.3390/digital4020025>
- [24] Alkan, Ayse. "The Role of Artificial Intelligence in the Education of Students with Special Needs." *International Journal of Technology in Education and Science* 8, no. 4 (2024): 542-557. <https://doi.org/10.46328/ijtes.569>